



ZALIHA mendengar cadangan yang dikemukakan peniaga di Jalan Petaling.

Cat semula bangunan lama

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan melaksanakan Sesi Libat Urus (SLU) dengan pemilik bangunan lama sekitar ibu kota bagi melaksanakan usaha bersama pengindahan Kuala Lumpur sempena tahun Kepengerusian ASEAN 2025.

Bercakap kepada Wilayahku, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** berkata, sesi tersebut perlu diadakan memandangkan kepentingan peranan mereka dalam menjayakan acara berprestij yang akan melonjakkan imej negara.

“Usaha untuk mengindahkan Kuala Lumpur ini tidak terletak di atas bahu DBKL dan kerajaan semata-mata, bahkan pemilik bangunan juga perlu terlibat bagi menyerlahkan imej negara.

“Selain itu, kebanyakan bangunan baharu mempunyai lapisan *facade* yang dibuat daripada pelbagai bahan termasuk kaca, bata, batu, logam, kayu dan banyak lagi berbanding bangunan lama yang menggunakan dinding batu yang agak kusam.

“Oleh yang demikian, SLU ini membolehkan DBKL mencari kaedah dengan bekerjasama untuk mengecat semula bangunan lama sebagai persiapan Sidang Kemuncak ASEAN 2025,” katanya ketika dihubungi selepas mengadakan tinjauan di sekitar ibu kota pada Rabu.

Menjelas lanjut, Zaliha berkata sesi tinjauan yang dilakukan bersama-sama pegawai kanan

DBKL untuk melihat lebih dekat tentang persiapan yang telah dilaksanakan oleh DBKL.

“Saya berpuas hati dengan usaha yang telah dilaksanakan oleh DBKL khususnya melibatkan jalan-jalan protokol, kawasan tarikan pelancong seperti di Pintasan Saloma, KLCC, Medan Pasar, Petaling Street dan Laluan Kasturi berhampiran Pasar Seni termasuk di kawasan *pocket park*.

“Di jalan protokol itu seperti pencahayaan, ada yang sudah dilaksanakan, logo-logo ASEAN pun sudah dinaikkan dari sudut kebersihan dan pengindahan serta kita turut lihat kawasan Jalan Petaling yang akan ditambah baik dan menyeragamkan gerai serta tambah baik *walk way* untuk keselesaan peniaga dan pelancong,” katanya.

Menurut Zaliha, kerja-kerja yang melibatkan logistik seperti pencahayaan, pengindahan dan baik pulih serta selenggara jalan raya sudah bermula, namun masih ada ruang-ruang untuk penambahbaikan yang perlu dilaksanakan.

“Sudah ada keputusan kabinet untuk menambah pokok-pokok bunga yang merupakan lambang kepada Kepengerusian ASEAN termasuk bunga raya di *pocket park* dan landskap.

“Selain itu, aspek kebersihan juga agak memuaskan, namun kita tidak boleh ambil mudah lebih-lagi di kawasan tumpuan pelancong,” katanya. 